



**ORANG** ramai tidak melepaskan peluang bersalam dan mengambil gambar Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang mencemar duli ke Majlis Jamuan Teh Bersama Rakyat di Padang Awam Majlis Daerah Kota Tinggi, Johor, baru-baru ini.

# Sanggup berpanas bertemu Sultan Johor

**KOTA TINGGI 17 April** - Cuaca terik tidak menghalang hampir 10,000 penduduk Kota Tinggi menyambut keberangkatan tiba Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar ke Majlis Jamuan Teh bersama rakyat di Padang Bukit Kerajaan, di sini kelmarin.

Turut berangkat dalam majlis yang bermula pada pukul 3 petang itu adalah Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar Sultan Ibrahim dan Tunku Tun Aminah yang menyertai baginda bersalaman dengan rakyat jelata yang hadir.

Tunku Tun Aminah berenan menyampaikan bungkusan hadiah dan sumbangan ke-

pada 20 pelatih Pusat Latihan Dalam Komuniti (PDK) Kota Tinggi dan golongan miskin di daerah ini.

Pegawai Daerah Kota Tinggi, Mohd. Noorazam Osman ketika berucap dalam majlis tersebut mengucapkan tahniah dan kesyukuran sempena Istiadat Kemahkotaan baginda dan juga Pemasuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah yang berlangsung dengan sempurna pada 23 Mac lalu.

"Majlis yang dianjurkan itu juga secara tidak langsung dapat menambahkan hubungan yang erat dan mesra di antara istana

dan rakyat serta menunjukkan tanda kasih Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor kepada rakyat jelata," katanya.

Yang turut hadir dalam majlis tersebut adalah Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ismail Karim dan barisan Exco kerajaan negeri.

Majlis yang berlangsung kira-kira sejam itu diserikan dengan pelbagai persembahan tarian dan kebudayaan serta nyanyian termasuk kumpulan Caliph Buskers, selain diserikan dengan pelbagai pameran dan juga jamuan percuma kepada tetamu yang hadir.